Product Disclosure Sheet

Dear Customer,
This Product Disclosure Sheet (PDS) is designed to provide you with some key information about your Z Flexi Business Insurance.

Other customers have read this PDS and found it helpful; **you should read it too**.

Date: 01 Nov 2025

1 What is Z Flexi Business Insurance?

Z Flexi Business Insurance provides comprehensive business package which allows you to choose from packages suitable to meet your essential insurance protection related to the following trade, businesses, professions or segments:-
Food and Beverages; Manufacturer; Motor Showrooms and Motor Workshop; Office and Services; Retailer; Tourism; Wholesalers and Distribution

2 Know Your Coverage

Broadly, this policy offers **3 plans** with **Fire** and **Compulsory Packaged** as compulsory cover. **As an illustration**, under segment **Manufacturer** the classes that opted are **Fire** and **Compulsory Packaged under Plan C** with total basic premium **RM4,750.00** [annually], you will receive the following Z Flexi Business Insurance **coverage:**

This policy **covers:**

Section 1.1 – Fire (Compulsory)
Fire (Sum insured RM500,000 with basic premium rate 0.75%)

Section 2 – Compulsory Packaged (basic premium RM1,000.00)

Packaged Section	RM
i) Burglary • Additional sum insured during festive seasons	75,000 35,000
ii) Money in Transit • Money in Premises • Damage to Drawer/Cash Register & Cabinets • Personal Accident (up to 2 employees) while carrying money in transit for Death & Permanent Disablement	20,000 50,000 2,000 15,000
iii) Fidelity Guarantee	30,000 (up to 30 employees)
iv) Public Liability	1,000,000

In addition, this insurance also provides additional benefits such as:
- Anti-Theft System: Replacement due to burglary or theft.
- Cleaning Cost: Reimbursement due to claims event.
- Delay by Supplier: Compensation for the delay in goods delivery by the supplier due to motor accidents.
- Food in Freezer: Compensation for food stored in freezer in business premises.
- Loss or Damage of Goods due to motor accident and/or theft within Malaysia.
- Personal Effects pays for the loss or damage to your or your key personnel personal belongings at your business premises.
- Quarantine Allowance due to hospitalisation and recuperation from any contagious disease which is classified by World Health Organization (WHO) as an epidemic or a pandemic.

Please refer to the Appendix for the details of the coverage under this policy.
Note: This list is **non-exhaustive**. Please refer to the brochure or policy wordings for the full details of coverage.

This policy **excludes:**

a) War, civil war and any act of terrorism
b) Nuclear and radioactivity risks
c) Property damage to data or software
d) Cyber liability
e) Communicable Disease
f) Sanction Exclusion

Note: This list is **non-exhaustive**. Please refer to the policy wording and policy schedule for the full list of exclusions under this policy.

By paying an **additional** premium, you can expand the coverage to include:

1. Fire Consequential Loss	3. Product Liability	5. Goods in Transit
2. Equipment All Risks	4. Employer's Liability	6. Group Personal Accident

Please refer to the Appendix for the details of the additional coverage under this policy.
Note: This list is **non-exhaustive**. Please refer to the brochure or policy wordings for the full details of coverage.

Period of coverage is one (1) year. You need to renew your insurance policy annually.

If you have any questions or require assistance regarding your Z Flexi Business Insurance, you can:

Call us at
1-300-888-622

Email us at
CallCentre@zurich.com.my

Visit us at
https://www.zurich.com.my/insurance-products/business/zurich-sme-business

3 Know Your Obligations

For this insurance, you must pay a premium based on the chosen plans. For example, Fire (Sum insured RM500,000) and Compulsory Packaged under Plan C you pay a premium of:	
Standard Cover	**RM4,750.00** (annually)
You also have to pay the following fees and charges:	
Stamp duty	**RM10.00**
Commission	**15%** of premium or **RM712.50**
Other applicable charges (Tax*) **All premiums and fees shown in this document may be subject to tax or other government levies.*	**8%** of premium or **RM380.00**

4 Other Key Terms

- Duty of disclosure: You must disclose all material facts which is known or ought to know, that would affect our underwriting consideration of your proposal, such as your insurance and loss history.
- You must have an insurable interest in the property you have insured with us. This means that if the property is lost or damaged, you would experience a financial loss.
- You must ensure that your property is insured at the appropriate amount. The sum insured must be monitored and reviewed regularly representing full value of property to avoid under-insurance otherwise claims settlement will be on Average Basis.
  Average Basis Clause
  If, at the time of loss, the insured property is valued higher than the sum insured, you shall have to bear a proportionate share of the loss.
- Basis of Valuation
  Reinstatement Value Basis Clause
  Settlement will be based on the reinstatement value for electrical and home appliances that are less than 3 years old. For electrical and home appliances older than 3 years, and all other insured properties, settlement will be based on market value.
  - ✓ *Reinstatement Value Basis: We will pay the full cost of repairing the damaged property without deductions for wear, tear or depreciation, provided that the sum insured is adequate to cover the total reinstatement cost.*
  - ✓ *Market Value Basis: We will pay the cost of repairing the damaged property less the amount for betterment, wear and tear and/or depreciation.*
- Excess/deductible: It is the amount of loss you have to bear while We will pay for the balance of the loss or damage claim. The excess/ deductible amount will be stated on the policy schedule or in the policy wordings.
- Period of Coverage: Not exceeding 12 months unless to coincide with the expiry of other policies effected by you. You need to renew your insurance policy annually.
- Payment of Premium:
  - ➢ The premium must be paid to Zurich General Insurance Malaysia Berhad within 60 days from the inception date of the policy, failing which the contract is automatically cancelled.
  - ➢ Payments can be made by debit/credit card, online payment, cash or cheques (cheques should be made payable only to Zurich General Insurance Malaysia Berhad).
- Claims Procedure: For details, please refer to this link https://www.zurich.com.my/customer-hub/my-claims.
- It is important that you inform us of any changes to your contact details to ensure timely correspondence. You can inform us via email (CallCentre@zurich.com.my), customer portal (https://myzurichlife.com.my/) or call us at 1-300-888-622.
- Importance of receipt keeping and Other Key Terms & Conditions: Please refer to this link https://zurich.com.my/en/services/corporate/key-terms-and-conditions.

Note: This list is **non-exhaustive**. You should refer to the policy wording for the full list of terms and conditions.

Can I cancel my policy?

- Yes. You may cancel your policy at any time by giving written notice to us. Upon cancellation, you are entitled to a refund of the premium based on short period calculation on the unexpired period of insurance subject to minimum premium retained by us. No refund of premium will be allowed if there is a claim under the policy.

Zurich General Insurance Malaysia Berhad is licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.

The benefit(s) payable under eligible product is protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact Zurich General Insurance Malaysia Berhad or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

Zurich General Insurance Malaysia Berhad
Registration No. 201701035345 (1249516-V)
Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Call Centre: 1-300-888-622
www.zurich.com.my

ZURICH

Appendix

1. Section 1.1 – Fire (Compulsory)
   - Fire (including Special Perils as an Optional extension): Loss or damage to your property insured relating to your trade/business described in the policy schedule caused by fire or lightning or explosion of domestic explosion used for domestic purposes only.

   Section 1.2 – Fire Consequential Loss & Equipment All Risks (Optional)
   - Fire Consequential Loss: Loss of gross profit or gross revenue if your business is interrupted due to loss, destruction or damage by an insured event.
   - Equipment All Risks: Loss or damage to your business plant and machinery including office equipment and forklifts within your premises arising from fire, theft, accidental damage and contingencies that are not specifically excluded in the policy.

2. Section 2 – Compulsory Packaged (Burglary, Money, Fidelity Guarantee & Public Liability)
   - Burglary: Loss of stocks, equipment and contents due to theft, only if accompanied by forcible or violent breaking into or out of your premises by any person other than your own employees or loss resulting from armed robbery or robbery with violence and damage to the premises as a result of such incidents.
   - Money: Loss of money during transit or loss of money kept on your premises and damage to your premises resulting from theft, armed robbery or forcible and violent entry into your premises.
   - Fidelity Guarantee: Loss of monies and goods due to act of fraud or dishonesty by any of your employees. The fraudulent or dishonesty act committed by your employee must occur during the insurance period and be discovered within the insurance period or within six months thereafter, or within six months after the death, dismissal or retirement of your relevant employee, whichever occurs first.
   - Public Liability: Your legal liability to pay compensation for third party accidental bodily injury or property damage caused by or through your negligence or your employees.

3. Section 3 – Product Liability, Employer's Liability, Goods in Transit & Group Personal Accident (Optional)
   - Product Liability: We will pay you as an insured manufacturer, claims arising for the design defect, manufacturing defect and marketing misrepresentation. This is a liability policy commonly written in a "Claims-Made Basis" form, which will indemnify you against all losses from persons who have purchased your products, arising from the consumption or use of the product giving rise to the accidental bodily injury, accidental damage to property and any legal expenses incurred by you in defending legal proceedings with Zurich General Insurance Malaysia Berhad's written consent.
   - Employer's Liability: The Employer's Liability Scheme indemnifies you against liability at law to pay compensation and claimant cost and expenses in respect of injury suffered by the employees that is caused by accident or disease arising out of and in the course of his employment.
   - Goods in Transit: The Marine Cargo scheme provides you with coverage for loss or damage to the goods as provided in the Institute Cargo Clauses (A), (B) or (C) 1.1.82 or Institute Cargo Clauses (A), (B) or (C) 1.1.09 respectively. You may cover your goods by choosing either of the below coverage subject to Zurich General Insurance Malaysia Berhad's approval.
   - Group Personal Accident: The scheme compensates Group of Persons covered should they suffer bodily injury caused by violent, accidental, external and visible means.

Lembaran Pendedahan Produk

Pelanggan Yang Dihargai,
Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini disediakan untuk memberikan anda beberapa maklumat penting tentang Insurans Z Flexi Business anda.

Pelanggan lain telah membaca LPP ini dan mendapati ianya membantu; **anda harus membacanya juga**. Tarikh: 01 Nov 2025

1 Apakah Insurans Z Flexi Business?

Insurans Z Flexi Business ini menawarkan pakej perniagaan komprehensif yang membolehkan anda memilih pakej yang sesuai untuk memenuhi perlindungan insurans penting anda yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan, profesion atau segmen berikut:-
Makanan dan Minuman; Pengilang; Bilik Pameran Motor dan Bengkel Kenderaan; Pejabat dan Perkhidmatan; Peruncit; Pelancongan; Pemborong dan Pengedar

2 Ketahui Perlindungan Anda

Secara umumnya, polisi ini menawarkan **3 pelan** dengan **Kebakaran** dan **Pakej Wajib** adalah perlindungan wajib. **Sebagai ilustrasi,** di bawah segmen **Pengilang** kelas yang dipilih adalah **Kebakaran** dan **Pakej Wajib di bawah Pelan C** dengan jumlah premium asas **RM4,750.00** [tahunan], anda akan menerima **perlindungan** Insurans Z Flexi Business seperti berikut:

Polisi ini melindungi:

Seksyen 1.1 – Kebakaran (Wajib)
Kebakaran (Jumlah diinsuranskan RM500,000 dengan kadar premium asas 0.75%)

Seksyen 2 –Pakej Wajib (premium asas RM1,000.00)

Seksyen Pakej	RM
i) Pecah Masuk • Jumlah diinsuranskan tambahan pada musim perayaan	75,000 35,000
ii) Wang Dalam Transit • Wang Dalam Premis • Kerosakan pada Laci/Daftar Tunai & Cabinet • Kemalangan Diri (sehingga 2 kakitangan) semasa membawa wang dalam transit bagi Kematian & Kehilangan Upaya Kekal	20,000 50,000 2,000 15,000
iii) Jaminan Kesetiaan	30,000 (sehingga 30 kakitangan)
iv) Liabiliti Awam	1,000,000

Di samping itu, insurans ini juga memberikan manfaat tambahan seperti:
- Sistem Anti-Kecurian: Penggantian kerana pecah masuk atau kecurian.
- Kos Pembersihan: Pembayaran balik disebabkan kejadian tuntutan.
- Kelewatan oleh Pembekal: Pampasan untuk kelewatan penghantaran barang oleh pembekal akibat kemalangan motor.
- Makanan dalam Penyejuk Beku: Pampasan bagi makanan yang disimpan dalam penyejuk beku di premis perniagaan.
- Kerugian atau Kerosakan Barang akibat kemalangan motor dan/atau kecurian di dalam Malaysia.
- Barangan Peribadi membayar kerugian atau kerosakan kepada barangan peribadi anda atau kakitangan utama anda di premis perniagaan anda.
- Elaun Kuarantin akibat kemasukan ke hospital dan penyembuhan dari mana-mana penyakit berjangkit yang dikelaskan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai wabak.

Sila rujuk pada Lampiran untuk butiran perlindungan di bawah polisi ini.
Nota: Senarai ini **tidak lengkap**. Sila rujuk risalah atau kontrak polisi untuk senarai penuh perlindungan.

Polisi ini mengecualikan:

a) Perang, perang saudara dan sebarang tindakan keganasan
b) Risiko nuklear dan radioaktif
c) Kerosakan harta terhadap data atau perisian
d) Liabiliti siber
e) Penyakit Berjangkit
f) Pengecualian Sekatan

Nota: Senarai ini **tidak lengkap**. Sila rujuk kontrak polisi dan jadual polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

Dengan membayar premium **tambahan**, anda boleh menambah perlindungan untuk memasukkan:

1. Kerugian Akibat Kebakaran	3. Liabiliti Produk	5. Barang Dalam Transit
2. Risiko Semua Peralatan	4. Liabiliti Majikan	6. Kemalangan Diri Berkelompok

Sila rujuk pada Lampiran untuk butiran perlindungan tambahan di bawah polisi ini.
Nota: Senarai ini **tidak lengkap**. Sila rujuk risalah atau kontrak polisi untuk senarai penuh perlindungan.

Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan berhubung Insurans Z Flexi Business, anda boleh:

Hubungi kami di talian 1-300-888-622

E-mel kami melalui CallCentre@zurich.com.my

Layari laman web kami https://www.zurich.com.my/insurance-products/business/zurich-sme-business

3 Ketahui Kewajipan Anda

Bagi insurans ini, anda perlu membayar premium berdasarkan pelan yang dipilih. Sebagai contoh, Kebakaran (Jumlah diinsuranskan RM500,000) dan Pakej Wajib di bawah Pelan C anda membayar premium sejumlah:	
Perlindungan Asas	**RM4,750.00** (tahunan)
Anda juga perlu membayar yuran dan caj seperti berikut:	
Duti setem	**RM10.00**
Komisen	**15%** daripada premium atau **RM712.50**
Caj lain yang dikenakan (Cukai*) **Semua premium dan yuran yang tertera dalam dokumen ini mungkin tertakluk pada cukai atau levi kerajaan yang lain.*	**8%** daripada premium atau **RM380.00**

4 Terma-Terma Penting Yang Lain

- Kewajipan pendedahan: Anda mesti mendedahkan semua fakta penting yang diketahui atau patut diketahui, yang boleh mempengaruhi pertimbangan pengunderaitan kami terhadap cadangan Anda, termasuklah sejarah insurans dan kerugian Anda.
- Anda mesti mempunyai kepentingan insurans terhadap harta benda yang anda telah insuranskan dengan kami. Ini bermakna jika harta benda itu hilang atau rosak, anda akan mengalami kerugian kewangan.
- Anda perlu memastikan harta benda anda diinsuranskan dengan amaun yang bersesuaian. Jumlah diinsuranskan mesti dipantau dan disemak secara berkala bagi mewakili nilai penuh harta benda tersebut untuk mengelakkan terkurang insurans dan jika tidak, penyelesaian tuntutan adalah pada Asas Purata.
  Klausa Asas Purata
  Jika pada masa kerugian, harta benda yang diinsuranskan mempunyai nilai lebih tinggi daripada jumlah diinsuranskan, anda hendaklah menanggung jumlah kerugian secara berkadar.
- Asas Penilaian
  Klausa Asas Nilai Penggantian Semula
  Penyelesaian akan dibuat berdasarkan nilai penggantian untuk peralatan elektrik dan rumah yang berusia kurang dari 3 tahun. Bagi peralatan elektrik dan rumah yang berusia lebih dari 3 tahun dan semua harta lain yang diinsuranskan, penyelesaian akan dibuat berdasarkan nilai pasaran.
  - ✓ Asas Nilai Penggantian: Kami akan membayar kos penuh untuk membaik pulih harta yang rosak tanpa apa-apa potongan untuk kehausan, kelusuhan atau susut nilai, dengan syarat jumlah diinsuranskan adalah mencukupi untuk menampung kos penggantian penuh.
  - ✓ Asas Nilai Pasaran: Kami akan membayar kos untuk membaik pulih harta yang rosak selepas ditolak jumlah untuk penambahbaikan, kehausan, kelusuhan dan/atau susut nilai.
- Lebihan/penolakan: Jumlah kerugian yang perlu anda tanggung manakala Kami akan membayar baki kerugian atau tuntutan kerosakan. Amaun lebihan/penolakan akan dinyatakan pada jadual polisi atau dalam kontrak polisi.
- Tempoh Perlindungan: Tidak melebihi 12 bulan melainkan untuk diselaraskan dengan tamatnya polisi lain yang anda ambil. Anda perlu memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.
- Pembayaran Premium:
  - ➢ Premium mesti dibayar kepada Zurich General Insurance Malaysia Berhad dalam tempoh 60 hari dari tarikh permulaan polisi, kontrak akan terbatal secara automatik jika premium tidak dibayar.
  - ➢ Bayaran boleh dibuat dengan kad debit/kredit, pembayaran dalam talian, tunai atau cek (cek hendaklah ditulis atas nama Zurich General Insurance Malaysia Berhad).
- Prosedur Tuntutan: Untuk maklumat lanjut, sila rujuk pautan ini https://www.zurich.com.my/customer-hub/my-claims.
- Adalah penting untuk anda memaklumkan kami tentang sebarang perubahan pada butiran hubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh memaklumkan kepada kami melalui e-mel (CallCentre@zurich.com.my), portal pelanggan (https://myzurichlife.com.my/) atau hubungi kami di talian 1-300-888-622.
- Kepentingan penyimpanan resit dan Terma & Syarat Penting Yang Lain: Sila rujuk pautan ini https://zurich.com.my/en/services/corporate/key-terms-and-conditions.

Nota: Senarai ini **tidak lengkap**. Anda harus merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis secara bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat bayaran balik premium berdasarkan tempoh singkat pada tempoh insurans yang belum luput tertakluk pada premium minimum yang akan disimpan oleh kami. Tiada bayaran balik premium akan diberikan jika terdapat tuntutan di bawah polisi.

Zurich General Insurance Malaysia Berhad dilesenken di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich General Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Zurich General Insurance Malaysia Berhad
No. Pendaftaran 201701035345 (1249516-V)
Tingkat 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622
www.zurich.com.my

ZURICH

Lampiran

1. Seksyen 1.1 – Kebakaran (Wajib)
   - Kebakaran (termasuk Peril Khas sebagai lanjutan Pilihan): Kehilangan atau kerosakan kepada harta anda yang diinsuranskan yang berkaitan dengan perdagangan/perniagaan anda seperti dinyatakan dalam jadual polisi yang disebabkan kebakaran atau kilat atau letupan dandang domestik dan gas yang digunakan untuk tujuan domestik sahaja.

   Seksyen 1.2 – Kerugian Akibat Kebakaran & Risiko Semua Peralatan (Pilihan)
   - Kerugian Akibat Kebakaran: Kehilangan keuntungan kasar atau kehilangan pendapatan kasar jika perniagaan anda terganggu akibat daripada kehilangan, kerosakan atau kerosakan oleh kejadian yang diinsuranskan.
   - Risiko Semua Peralatan: Kehilangan atau kerosakan kepada loji dan jentera perniagaan anda termasuk peralatan pejabat dan forklift yang berada dalam premis anda akibat kebakaran, kecurian, kerosakan yang tidak disengajakan dan tanggungan luar jangka yang tidak dikecualikan secara khusus di dalam polisi.

2. Seksyen 2 –Pakej Wajib (Pecah Masuk, Wang, Jaminan Kesetiaan & Liabiliti Awam)
   - Pecah Masuk: Kehilangan barangan, peralatan dan isi kandungan disebabkan kecurian, hanya jika disertai dengan pecah masuk secara paksa atau ganas ke dalam atau keluar dari premis anda oleh sesiapa selain daripada pekerja anda atau kerugian akibat rompakan bersenjata atau rompakan ganas dan kerosakan kepada premis akibat daripadanya.
   - Wang: Kehilangan wang ketika dalam perjalanan atau kehilangan wang yang disimpan di dalam premis anda dan kerosakan kepada premis anda akibat kecurian, rompakan bersenjata atau pecah masuk secara paksa dan ganas ke dalam premis anda.
   - Jaminan Kesetiaan: Kehilangan wang dan barangan akibat perbuatan penipuan atau kecurangan mana-mana pekerja anda. Perbuatan penipuan atau kecurangan yang dilakukan oleh pekerja anda tersebut mesti berlaku dalam tempoh insurans dan ditemui dalam tempoh insurans dan sehingga enam bulan selepasnya, atau dalam tempoh enam bulan selepas kematian, pemecatan atau persaraan pekerja anda yang berkenaan, mengikut mana-mana keadaan yang berlaku dahulu.
   - Liabiliti Awam: Liabiliti anda dari segi undang-undang untuk membayar pampasan untuk kecederaan badan pihak ketiga yang tidak disengajakan atau kerosakan yang tidak disengajakan kepada harta pihak ketiga yang disebabkan atau melalui kecuaian anda atau pekerja anda.

3. Seksyen 3 – Liabiliti Produk, Liabiliti Majikan, Barang Dalam Transit & Kemalangan Diri Berkelompok (Pilihan)
   - Liabiliti Produk : Kami akan membayar anda sebagai pengeluar diinsuranskan, tuntutan timbul untuk perkara kecacatan reka bentuk, kecacatan pembuatan dan kesalahan pemasaran. Ini adalah polisi liabiliti yang biasanya ditulis dalam "Asas Tuntutan Yang Dibuat", yang akan menanggung kerugian anda terhadap semua kerugian dari orang yang telah membeli produk anda, yang timbul daripada penggunaan atau penggunaan produk yang menimbulkan perkara kecederaan tidak sengaja kepada anggota badan, kerosakan tidak sengaja kepada harta benda dan apa-apa perbelanjaan undang-undang yang ditanggung oleh anda dalam mempertahankan prosiding undang-undang dengan kebenaran bertulis Zurich General Insurance Malaysia Berhad.
   - Liabiliti Majikan: Skim Liabiliti Majikan membayar ganti rugi kepada anda terhadap liabiliti di sisi undang-undang untuk membayar ganti rugi dan kos dan perbelanjaan pihak menuntut berkenaan dengan kecederaan yang dialami oleh pekerja yang disebabkan oleh kemalangan atau penyakit yang timbul daripada dan dalam tempoh pekerjaannya.
   - Barang Dalam Transit: Skim Marin Kargo menawarkan perlindungan kepada anda bagi kerugian atau kerosakan terhadap barang seperti yang terkandung di dalam Institute Cargo Clauses (A), (B) or (C) 1.1.82 atau Institute Cargo Clauses (A), (B) or (C) 1.1.09 masing-masing. Anda boleh melindungi barang-barang anda dengan memilih sama ada perlindungan di bawah tertakluk kepada kelulusan Zurich General Insurance Malaysia Berhad.
   - Kemalangan Diri Berkelompok: Skim ini memberikan pampasan kepada Kumpulan Orang Yang Dilindungi sekiranya mereka mengalami kecederaan anggota badan yang disebabkan oleh cara yang ganas, tidak sengaja, luaran dan yang kelihatan.